

**PELAKSANAAN AUDIT DALAM DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA
UAD 1/2014**

ISI KANDUNGAN

PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT	2
Tujuan.....	2
Latar Belakang.....	2
Penuhuan Jawatankuasa Audit	2
Objektif Penuhuan Jawatankuasa Audit	3
Tanggungjawab Jawatankuasa Audit	3
Fungsi Jawatankuasa Audit	4
Mesyuarat Dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit	4

BAB 2
PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT

No	Perkara	Tanggungjawab
1	Tujuan	
1.1	Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan penubuhan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit di Lembaga Getah Malaysia bagi memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan.	
2	Latar Belakang	
2.1	Tumpuan utama Kerajaan pada masa kini adalah untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai, tadbir urus yang terbaik di kalangan perkhidmatan awam adalah amat penting.	
2.2	Tadbir urus yang terbaik perlu memberi penumpuan terhadap dua aspek seperti berikut:	
2.2.1	Prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh <i>stakeholders</i> di samping memastikan <i>value for money</i> dan pengurangan pembaziran sumber/dana; dan	
2.2.2	Pematuhan, di mana undang-undang, peraturan dan piawai yang diguna pakai adalah dipatuhi serta harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integrity serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus dipenuhi.	
2.3	Dalam proses memperkukuhkan tadbir urus, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam Lembaga memainkan peranan yang mustahak melalui pengauditan yang dijalankan. Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan serta syor penambahbaikan hendaklah diberi perhatian serius dan diambil tindakan oleh semua pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.	
3	Penubuhan Jawatankuasa Audit	
3.1	Bagi tujuan meneliti kedua-dua laporan Juru Audit Dalam dan Juru Audit Luar, Lembaga Pengarah hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Audit yang keahliannya dilantik daripada kalangan Ahli Lembaga Pengarah.	

No	Perkara	Tanggungjawab
3.2	<p>Jawatankuasa Audit hendaklan ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut boleh dianggotai tiga (3) hingga lima (5) orang ahli terdiri daripada ahli Lembaga Bukan Eksekutif. Jawatankuasa Audit boleh melantik pengerusinya sendiri atau boleh dilantik oleh Lembaga Pengarah.</p> <p>Mesyuarat Lembaga boleh mengubah komposisi Jawatankuasa Audit menurut keperluan dan kesesuaian dari semasa ke semasa.</p>	
3.3	<p>Ketua Audit Dalam hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.</p>	
4	Objektif Penubuhan Jawatankuasa Audit	
4.1	<p>Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara.</p>	
4.2.	<p>Memastikan tindakan <i>preventive</i> dan <i>corrective</i> diambil oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.</p>	
5	Tanggungjawab Jawatankuasa Audit	
5.1	<p>Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi.</p>	
5.2	<p>Melaporkan sama ada wujudnya sistem perakaunan dan kewangan yang efektif serta kawalan-kawalan tertentu sebagai satu amaran awal mengenai kelemahan di Lembaga.</p>	
5.3	<p>Mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan yang disediakan Unit Audit Dalam dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada,</p>	
5.4	<p>Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan Audit Dalam dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya.</p>	
5.5	<p>Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.</p>	
5.6	<p>Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan Jabatan Audit Negara untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan.</p>	

No	Perkara	Tanggungjawab
5.7	Menimbang hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam.	
6	Fungsi Jawatankuasa Audit adalah seperti yang berikut:	
6.1	Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam.	
6.2	Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dalaman.	
6.3	Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam.	
6.4	Mengkaji laporan daripada Audit Dalam dan Audit Luar serta memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Mesyuarat Lembaga.	
6.5	Mengkaji dan menasihatkan Lembaga berhubung dengan penyata kewangan dan laporan kewangan lain yang dikeluarkan.	
6.6.	Mengkaji dan menasihatkan Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif bagi aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga.	
6.7	Memantau pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga dan tatalaku pegawai serta berusaha menyiasat apa-apa pertelingkahan yang berlaku dalam Lembaga.	
6.8	Memastikan Lembaga sentiasa mengubah suai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa.	
6.7	Melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.	
6.8	Melaporkan kepada pihak pengurusan tentang pegawai yang didapati telah melakukan apa-apa penyelewengan untuk dikenakan tindakan yang sesuai.	
7	Mesyuarat Dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit	
7.1	Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.	

No	Perkara	Tanggungjawab
7.2	Jawatankuasa Audit hendaklah membentangkan laporan setiap suku tahun dalam Mesyuarat Lembaga. Sekiranya tiada pemerhatian audit diterima, Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkannya sedemikian dalam laporan suku tahunnya.	
7.3	Ketua Unit Audit Dalam hendaklah mengurusetiakan Jawatankuasa Audit	
